



## JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH IRSYAD AL-FATWA

### FATWA MENGENAI PENGGUNAAN MELODI LAGU *JINGLE BELL*

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah mengenai Penggunaan Melodi Lagu *Jingle Bell* yang diubah lirik kepada amalan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk mengekang penularan COVID-19 sempena sambutan perayaan Hari Natal dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Dalam konteks negara Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama maka usaha proaktif ke arah membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya memerlukan pendekatan secara berhemah, harmoni serta penuh rasa hormat dalam mengurus kemajmukan sosial tersebut.
2. Terdapat dalil yang jelas menyatakan bahawa pengamalan sesuatu perkara yang disandarkan kepada mana-mana agama adalah dibenarkan untuk penganut agama tersebut sahaja.

Firman Allah ﷻ:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku".

Nabi ﷺ turut bersabda;

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ.<sup>2</sup>

Maksudnya: "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah termasuk dalam kalangan mereka".

<sup>1</sup> الكافرون : 6.

<sup>2</sup> رواه ابو داود.

3. Merujuk ucapan Saidina Umar Ibn al-Khattab رضي الله عنه dalam sebuah athar riwayat al Bukhari dalam sahihnya;

لا تعلموا رطانة الأعاجم، ولا تدخلوا على المشركين في كنائسهم يوم عيدهم؛ فإن السخطة تنزل عليهم.<sup>3</sup>

Maksudnya: *"Janganlah kamu mempelajari bahasa kaum 'Ajam (selain daripada Bahasa Arab – iaitu dalam bentuk atsar; nyanyian-nyanyian keagamaan) dan janganlah kamu masuk ke dalam gereja (tempat ibadah) mereka pada hari kebesaran agama mereka kerana kemurkaan Allah ﷻ turun ke atas mereka"*.

4. Berdasarkan nas-nas di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah memutuskan bahawa;

- i. Melodi lagu *Jingel Bell* adalah salah satu daripada lambang agama Kristian yang dikhususkan untuk penganut agama Kristian bagi meraikan perayaan mereka. Tujuan penggunaannya dalam konteks mengajak masyarakat supaya mematuhi SOP bagi menangani pandemik COVID-19 **adalah bersesuaian untuk penganut agama Kristian sahaja.**
- ii. **Bagaimanapun, bagi orang Islam, hukum penggunaan melodi tersebut adalah makruh yang hampir kepada haram kerana boleh mengundang kemudharatan dari aspek Akidah.**
- iii. Selain itu, konsep promosi ini juga bertentangan dengan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam yang telah ditetapkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005.
- iv. Pandangan ini juga selaras dengan konsep *"Maqasid Syariyyah"* yang amat dituntut dalam syariat Islam iaitu "حفظ الدين" (memelihara agama), Kaedah Usuliyyah iaitu "درء المفاسد مقدم على جلب المصالح" (menolak kerosakan lebih utama daripada mencari kemaslahatan) dan "سد الذرائع" (menutup pintu-pintu kemudharatan) yang boleh menggugat aqidah umat Islam.

---

<sup>3</sup> رواه البيهقي، عبد الرزق وأبي شيبة.

5. Oleh itu, Jawatankuasa menasihatkan mana-mana pihak yang ingin menjadikan apa jua melodi / lirik dengan hal keadaan **menjurus kepada meraikan agama bukan Islam** sebagai pendekatan awal bagi mempromosi SOP norma baharu COVID-19 maka pihak berkenaan hendaklah memilih lagu atau irama yang berbentuk latar belakang masyarakat sejagat yang bersesuaian dengan kepelbagaian etnik / budaya komuniti di Malaysia.

**TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020**